

## LAMPIRAN

### Maklumat Dan Sinopsis Filem-Filem Yang Dipilih Dalam Kajian Semasa

#### Filem *Chemman Chaalai* Dan Sinopsis

Judul	<i>Chemman Chaalai</i> (Jalan Tahah Merah)
Tahun Penerbitan	2005
Penerbit	Tan Chui Mui
Pengarah Filem	Deepak Kumaran Menon
Penulis Cerita / Skrip	Sooria Kumari
Pelakon	Saratha Sivalingam, Gandhi Nathan, THR Shangkara, Kalyani, Santhia Marathamuthu, Tharoni Mottian, Dhaarshini Sankran,
Muzik	Hardesh Singh
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 32 minit
Bilangan Pawagam	2
Lain-lain	Filem ini telah bertanding dalam Festival Filem Antarabangsa Bangkok 2006 yang berlangsung di Bankok, Thailand pada 17-27 February 2006. Tan Chui Mui – Memiliki Syarikat Huang Pictures. memenangi anugerah Tiger dalam 36th international Film Festival 2006.

Cerita filem ini sepenuhnya menggambarkan tentang kehidupan sebuah keluarga di kawasan ladang. Shalu adalah anak kedua dalam keluarga ini di antara empat orang adik beradik. Ayah dan emak shalu bekerja sebagai penoreh getah di ladang tersebut. Shalu adalah seorang pelajar yang pintar dan bercita-cita tinggi untuk belajar di peringkat universiti. Dalam keadaan ini, ibu bapa Shalu telah mengaturkan perkahwinan kepada kakak Shalu (Lalitha). Hal ini telah menyebabkan mereka menghadapi masalah kewangan dalam menguruskan perkahwinan tersebut. Pada masa yang sama Shalu telah memohon untuk melanjutkan pelajaran di universiti. Emak Shalu menyatakan pada Shalu bahawa keluarganya tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan untuk meneruskan pendidikan dia. Tetapi Shalu tetap dengan keputusannya. Hal ini telah menimbulkan perselisihan faham dalam keluarga Shalu. Pada akhirnya Shalu mendapat telah berjaya tawaran masuk ke Universiti. Tetapi guru kelas dan rakan Shalu meninggal dunia akibat kemalangan. Mereka berdua ini sentiasa memberikan sokongan moral kepada Shalu. Hal ini telah membuatkan Shalu terasa sedih dan berputus-asa. Walau bagaimanapun pada akhirnya Shalu telah dihantar oleh keluarganya ke universiti untuk melanjutkan pendidikan tinggi.

## **Filem Aandal Dan Sinopsis**

Judul	<i>Aandal</i> (Aandal)
Tahun Penerbitan	2005
Penerbit	Sandosh Kesavan
Pengarah Filem	Sandosh Kesavan
Penulis Cerita / Skrip	Sandosh Kesavan
Pelakon	Nandhini (Aandal), R. Jeyaraman, THR Ram, Shangkara, Yegavalli, Shanmuganathan dan Manoramalingam.
Muzik	Suresh Rogen & Jay
Jumlah Masa Tayangan	1jam 43 minutes
Bilangan Pawagam	2
Lain-lain	Filem Aandal kini (2014) sedang diterbitkan dalam Bahasa Melayu.

Tema cerita filem *Aandal* adalah merujuk kepada tindakan seorang wanita remaja dalam membuat keputusan tentang masa depan tanpa berfikir. Aandal (wirawati) adalah seorang wanita daripada sebuah kawasan ladang. Andal jatuh cinta dengan Suresh (watak negatif). Oleh kerana ibu bapa Aandal tidak bersetuju dengan cinta mereka, maka Aandal telah melarikan diri dengan Suresh ke Kuala Lumpur. Di sana Suresh berkahwin dengan Aandal dan mendirikan rumah tangga di sebuah rumah sewa. Tempat tinggal mereka adalah sebuah kawasan yang mempunyai masalah sosial. Sebenarnya Suresh adalah seorang pengedar dadah dan bapa ayam. Pada satu hari, Suresh telah menyuntik dadah kepada Aandal semasa dia berada dalam keadaan kurang sihat. Lama-kelamaan Aandal telah menjadi penagih dadah dan Suresh telah menggunakan keadaan Aandal untuk memaksa dia melibatkan diri dalam pelacuran untuk mendapatkan duit. Aandal juga menjadi pelacur demi mendapatkan dadah daripada suaminya. Tetapi setelah Aandal mengandung, dia mula insaf dengan perbuatannya. Selepas itu, Aandal dengan bantuan makcik Asha (jiran) dan seorang doktor telah berjaya dipulihkan daripada ketagihan dadah dan juga berhenti melakukan aktiviti pelacuran. Manakala Suresh pula telah ditahan oleh polis atas kes pembunuhan rakan sebayanya Guna. Pada klimaks Aandal telah memulakan sebuah kehidupan baru dengan anaknya tanpa bergantung pada mana-mana pihak.

## Filem *Uyir* Dan Sinopsis

Judul	<i>Uyir</i> (Nyawa)
Tahun Penerbitan	2005
Penerbit	Ambi Agency
Pengarah Filem	M.S.Prem Nath Pillai
Penulis Cerita / Skrip	Senthil Kumaran
Pelakon	Logithavani, Geethanjali Kaushalya, Manimaran, Rajeshwaran, Mahesan, Marilyn John , Ghandhiben @ Ben-G, Murugan, Prakash, Sasitharan Rajoo, Sasitharan, Gayathiri, Sivagami @ Sintha, Ageavalli, Bobby dan Kasturi
Muzik	M.S.Prem Nath Pillai
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 25 minit
Bilangan Pawagam	1

*Uyir* adalah sebuah cerita seram yang berlaku antara lima orang rakan di sebuah kawasan kediaman ladang di Kuang. Lima orang rakan kolej (Arvind, Nitya, Shanthini, Kathir dan Bobby) telah merancang untuk mengunjungi tempat kediaman ladang Kathir pada cuti semester untuk menyambut perayaan ulang tahun di kuil ladang tersebut. Ayah Kathir yang merupakan pengurus ladang tersebut telah menyediakan sebuah rumah banglo kepada mereka dan telah mengarahkan penolong pengurus, Senthil untuk membantu mereka. Dalam keadaan ini Nitya didapati telah tersilap cabut sebuah patung jampi yang dipakukan pada sebuah pokok di belakang rumah banglo tersebut. Tindakkan ini telah menyebabkan Nitya dirasuk oleh hantu yang dipakukan pada pokok tersebut. Rakan-rakan lain yang mengetahui hal ini cuba mendapatkan bantuan daripada seorang bomoh Hindu di kawasan tersebut. Bomoh itu berjaya menghalau hantu tersebut keluar daripada badan Nitya untuk sementara waktu. Kemudian beliau telah memberikan sebuah limau yang telah dijampi dan menasihati mereka supaya keluar dari ladang tersebut secepat mungkin. Kelima-lima rakan tersebut telah bersedia untuk meninggalkan ladang tersebut. Walau bagaimanapun hantu tersebut berjaya menghalang dan membunuh empat orang rakan Nitya. Filem ditamatkan dengan adegan yang menggambarkan keadaan Nitya di hospital dalam keadaan tanpa sedar diri.

### **Filem *Ethirkalam* dan Sinopsis**

Judul	<i>Ethirkalam</i> (Masa depan)
Tahun Penerbitan	2006
Penerbit	Sri Kumar
Pengarah Filem	C. Kumaresan
Penulis Cerita / Skrip	Sri Kumar
Pelakon	Sri Kumar
Muzik	S. Narendran
Jumlah Masa Tayangan	3 jam 4 minit
Bilangan Pawagam	11
Lain-lain	Pelakon wira Sri Kumar telah memenangi Anugerah Oskar Malaysia pada tahun 2006 sebagai pelakon wira terbaik untuk filem ini. Beliau adalah pemenang India Malaysia pertama yang menerima anugerah ini

Kathir (wira) adalah seorang pelajar kolej. Kathir dan rakan-rakannya sentiasa menghadapi masalah daripada Kamalesh (rakan sekolej) yang mempunyai hubungan dengan sebuah kumpulan gangster. Dalam keadaan ini Kathir dan rakan-rakannya telah mendapat bantuan daripada sebuah lagi kumpulan gangster yang diketuai oleh Dharma. Dalam keadaan ini Dharma telah memperalatkan Kathir dan rakan-rakannya untuk melibatkan diri dalam gangsterisme. Pada satu hari Kathir dan rakan-rakannya ditahan oleh polis atas kesalahan pergaduhan di sebuah pub karaoke. Hal ini menyebabkan Kathir dan rakan-rakannya dipecat daripada kolej. Manakala dalam satu lagi kejadian, rakan Kathir (Seenu) yang turut terlibat dalam gangsterisme telah dibunuh oleh kumpulan gangster yang lain. Keadaan ini telah membuat Kathir insaf dan kembali kepada kehidupan yang baik. Selepas beberapa tahun kemudian Kathir diketahui bahawa adiknya juga turut diperdaya oleh kumpulan gangster Dharma. Untuk menyelamatkan adik daripada kumpulan gangster tersebut, Kathir terpaksa membunuh Dharma dan rakan-rakan kumpulan gangster tersebut. Akibatnya Kathir dihukum gantung oleh mahkamah atas kesalahan kes pembunuhan.

### Filem *Chalanggai* dan Sinopsis

Judul	<i>Chalanggai</i> ( <i>Chalanggai</i> )
Tahun Penerbitan	2007
Penerbit	One Hundred Eye Sdn. Bhd. and MyFoto Studio
Pengarah Filem	Deepak Kumaran Menon
Penulis Cerita / Skrip	Deepak Kumaran Menon
Pelakon	Dhaarshini Sankran (watak Uma), Kalpana Sundraju (watak Muniammah), Ramesh Kumar's (watak Siva) dan Kala Sundraju
Muzik	-
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 38 minit
Bilangan Pawagam	3
Lain-lain	Anugerah Filem Khas terbaik Asia Tenggara dalam Pesta Filem yang ke 20 yang berlangsung Yokyo. Anugerah Filem Digital Terbaik dalam Festival Filem Malaysia yang ke-20. Anugerah Filem Terbaik NETPAC dalam, 9th Osian's Cinefan Int yang ke 9 yang berlangsung di India.

*Chalangai* adalah filem yang menceritakan tentang perjuangan kehidupan sebuah keluarga yang miskin dalam hidupnya. Muniamma mempunyai dua orang anak yang bernama Siva dan Uma. Muniammah hidup berpisah daripada suaminya kerana beliau melibatkan diri dalam masalah sosial. Uma adalah pelajar di sekolah rendah dan Siva pula bekerja di sebuah tempat pencuci kereta. Muniamma membuat perniagaan menjual bunga di tepi jalan. Uma berminat untuk belajar tarian Baratham, tetapi keluarganya tidak berkemampuan untuk hantar ke kelas Baratham. Siva pula ingin membeli sebuah motosikal, tetapi juga tidak mempunyai duit yang mencukupi. Dalam keadaan ini ibu Siva telah berjanji untuk membelikan motosikal untuk Siva. Tetapi apabila kawan rapat Siva meninggal dunia akibat kemalangan motosikal, maka Siva mengubah fikirannya dan telah membuat keputusan menggunakan duit tersebut untuk menghantar Uma ke kelas Baratham. Akhirnya cita-cita Uma menjadi kenyataan untuk belajar tarian Baratham.

### **Filem *Vajram* dan Sinopsis**

Judul	<i>Vajram</i> (Senjata Dewaraja / kuat)
Tahun Penerbitan	2012
Penerbit	Genius Parade Sdn. Bhd
Pengarah Filem	M. Subash Abdullah
Penulis Cerita / Skrip	M. Subash Abdullah
Pelakon	M. Suurya, Surenthar, Yasmin Khaniff, Alagum, Sukania, Mano Maniam dan Oshen.
Muzik	M. Subash Abdullah
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 30 Minit
Bilangan Pawagam	41

Tema cerita filem ini adalah melawan balik terhadap kumpulan jenayah dan penyeludup untuk membala dendam terhadap kematian rakan-rakan. Surya (wira) adalah seorang anak muda yang baik hati dan sentiasa membantu semua orang di tempat kediamannya. Surya telah jatuh cinta terhadap Jasmin tetapi cinta mereka tidak diterima oleh ahli keluarga Jasmin kerana Surya adalah dari keluarga kelas yang rendah manakala Jasmin pula adalah dari keluarga yang kaya. Dalam keadaan ini, dua orang rakan Surya yang bernama Alagu dan Selvam telah dibunuh oleh sebuah kumpulan gengster dan penyeludup yang terdiri daripada tiga orang samseng iaitu Mottai, Maami dan James. Keadaan ini berlaku kerana pada mulanya Alagu dan Selvam adalah bekerja dengan kumpulan tersebut. Setelah Surya menujukan jalan yang mulia kepada Alagu dan Selvam, maka mereka pun telah insaf atas kesalahan lalu meninggalkan kumpulan tersebut. Oleh hal yang demikian, kumpulan gengster tersebut yang tidak puas hati dengan keputusan Alagu dan Selvam telah membunuh mereka. Surya yang mengetahui hal tersebut telah melawan balik, menangkap dan menyerahkan ketiga-tiga pembunuhan tersebut kepada pihak polis. Filem berakhir dengan tindakan Surya yang bertekat untuk melawan balik terhadap pihak orang jahat yang membina sakan kehidupan remaja.

### **Filem *Adutha Khattam* dan Sinopsis**

Judul	<i>Adutha Khattam</i> (Tahap kedua)
Tahun Penerbitan	2012
Penerbit	MSK Film Production.
Pengarah Filem	Murali Krishnan Munian
Penulis Cerita / Skrip	Gandhi Kasinathan
Pelakon	Malar Meni Perumal, Sasitharan Rajoo, Gantiban Ben dan Aghonderan Sahadevan.
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 50 minit
Bilangan Pawagam	32

Cerita filem ini berlangsung di antara tiga orang watak utama iaitu Vijay (wira), Rekha (wirawati) dan Arvind (watak negatif). Vijay dan Rekha adalah pasangan suami isteri yang tinggal di Seremban. Rekha telah menghadapi tekanan hidup kerana suaminya jarang meluangkan masa dengan dia. Pada satu hari Rekha telah meminta agar Vijay pulang ke rumah sebelum pukul 7.00 malam kerana hari tersebut adalah hari ulang tahun perkahwinan mereka. Tetapi, beliau tidak pulang ke rumah seperti mana yang di janji dan juga tidak menjawab panggilan telefon daripada Rekha. Keadaan ini telah membuatkan Rekha marah dan sedih terhadap sikap suaminya, lalu membuat keputusan untuk pergi ke rumah ibunya di Bahau secara berseorangan dengan memandu kereta pada waktu malam. Dalam perjalanan itu, tiba-tiba kereta Rekha telah berhenti di sebuah kawasan hutan dan enjin kereta tidak hidup semula. Pada masa itu Arvind yang lalu di kawasan tersebut telah memujuk Rekha untuk ikut bersama ke bandar terdekat. Rekha juga bersetuju untuk mengikuti Arvind. Tetapi Arvind yang merupakan seorang penyeludup dadah telah cuba perkosa Rekha di hutan tersebut. Dalam keadaan ini Vijay yang mengetahui kehilangan Rekha telah berjaya menemuinya di kawasan hutan tersebut. Pada klimaks cerita, Rekha mencederakan Arvind dan berjaya melarikan diri bersama suaminya.

### **Filem *Ops Kossa Dappa 3* dan Sinopsis**

Judul	<i>Ops Kossa Dappa 3</i> (Operasi bekas kosong 3)
Tahun Penerbitan	2013
Penerbit	ATV Pictures & SSK Resources
Pengarah Filem	K. Annan Joseph.
Penulis Cerita / Skrip	K. Annan Joseph.
Pelakon	Loganathan, Buveni Ann Mayan, Sasi Kumar, Jasmine Michael & Nilasyah Priyanka Kothari, Kadhal Dhandabani, Sashitaran dan Amber Chia.
Muzik	Mansher Singh
Jumlah Masa Tayangan	2 jam 33 Minit
Bilangan Pawagam	33

*Ops Kosa Dappa 3* adalah cerita yang berkaitan dengan sebuah kumpulan agensi siasatan yang terdiri daripada Seethu, Samy, Susan, Sizie dan Nila. Kumpulan ini berusaha menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan jenayah yang unik. Kes pertama mereka adalah membanteras kegiatan gengsterisme yang dilakukan oleh kumpulan Naachiappan dan Jegan. Pada akhirnya kedua-dua kumpulan tersebut telah bergaduh antara satu sama lain dan musnah. Setelah itu, kumpulan ejan penyiasatan ini telah ditugaskan untuk menyelesaikan sebuah kes pembunuhan yang berlaku di Tasik Chini. Kumpulah ini berjaya menyiasat kes ini dan diketahui bahawa makhluk naga Tasik Chini yang telah membunuh masyarakat di kawasan tersebut. Pada akhirnya mereka telah berjaya membunuh makhluk itu.

## **Filem *Kaliyugha* dan Sinopsis**

Judul	<i>Kaliyugha</i> ( <i>Kaliyugha</i> )
Tahun Penerbitan	2013
Penerbit	Fenomena Seni Produksi (M) Sdn Bhd
Pengarah Filem	S.T.Bala
Penulis Cerita / Skrip	S.T.Bala
Pelakon	Thangamani, thiagarajan, kisukumar armum, sharmini, THR revathi, THR maran, THR geethaanjali, Shanmuganathan, gunasekaran dan kavitha.
Muzik	Isaikraft Studio
Jumlah Masa Tayangan	2 jam 3 minit
Bilangan Pawagam	18
Lain-lain	ST.Bala adalah penerbit drama-drama Tamil pentas yang popular di Malaysia.

Filem ini telah dihasilkan berdasarkan lima belas kejadian jenayah, gejala sosial dan juga keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Arivalagan (wira) adalah seorang pesakit jiwa yang mendapatkan rawatan di sebuah hospital sakit jiwa. Manakala Mary (wirawati) adalah doktor psikologi yang baru bermula kerja di hospital tersebut. Pada hari pertama Mary berjumpa dengan Arivalagan. Dalam pada pertuturan antara mereka, Arivalagan telah menceritakan lima belas kejadian tersebut yang dialami dalam kehidupan beliau. Kejadian-kejadian tersebut adalah berkaitan dengan isu-isu seperti, hubungan seks sulit dalam kalangan remaja, keluarga, pelajar-pelajar sekolah dan kolej, hubungan seks antara jantina yang sama, perompakan, penipuan oleh ahli-ahli politik, pengedaran dadah, masalah pengsterisme, cinta dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah, pelacuran, penipuan atas nama agama dan Tuhan dan sebagainya. Klimaks filem ini berakhir dengan pindahan Arivalagan ke sebuah hospital sakit jiwa yang lain untuk rawatan lanjut.

### **Filem *Olli* dan Sinopsis**

Judul	<i>Olli</i> (Cahaya)
Tahun Penerbitan	2013
Penerbit	Nova Rimbun Production Sdn Bhd
Pengarah Filem	Rameesh Puncharatnam
Penulis Cerita / Skrip	P.Rameesh
Pelakon	Sashitharan, Puspa Narayan, Syed Maimuni, Xavier, KS Maniam, M.Rajam dan P.Rameesh.
Muzik	Jey Raggaveindra
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 30 minit
Bilangan Pawagam	15

Cerita filem ini adalah berkaitan dengan makhluk asing (UFO) dan kehidupan manusia di bumi. Dalam cerita ini Vishnu (wira) dan isterinya Sumathi (wirawathi) didapati mengalami beberapa pengalaman yang luar biasa di tempat kerja dan juga di rumah. Pada satu hari Vishnu (ahli sains yang mengkaji tentang bumi) telah menampak sebuah cahaya yang luar biasa di tempat kerjanya. Pada mulanya beliau menganggap ia adalah mimpi. Tetapi dalam suatu lagi situasi beliau didapati cuba diserang makhluk gergasi. Dalam keadaan itu sebuah kapal angkasa yang bercahaya (UFO) telah menghalau makhluk gergasi tersebut dan telah meninggalkan isterinya kepada Vishnu. Setelah itu, Vishnu cuba mencari jawapan terhadap kejadian luar biasa yang telah berlaku selama ini. Pada klimaks filem ini, tiga makhluk yang bercahaya berjumpa dengan Vishnu dan memberikan pengalaman kehidupan di dunia yang berbeza. Dengan itu mereka menyatakan bahawa mereka telah datang ke bumi untuk menjaga Vishnu dan isterinya daripada diserang oleh makhluk gergasi kerana Sumathi akan melahirkan seorang anak yang mempunyai kuasa dan restu Tuhan.

### **Filem *Olipathivu* dan Sinopsis**

Judul	<i>Olipathivu</i> (Rakaman)
Tahun Penerbitan	2013
Penerbit	Snap Productions Sdn Bhd
Pengarah Filem	Elson Tomas
Penulis Cerita / Skrip	Maney (Villanz)
Pelakon	Vassan, Sivabaalan, Govind Singh, Sasikumar, Devika Raghavakrishnana, Maney (The Villanz), Samuel Sam dan Xavier (Lock-up).
Muzik	Elson Tomas
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 47 minit
Bilangan Pawagam	18

Venthan, Elson, Sara, Ram dan Gilli adalah sebuah kumpulan media yang menerbitkan rancangan untuk disiarkan dalam televisyen. Pada satu malam Elson (perakam kamera dalam kumpulan itu) telah tersilap merakam sebuah kejadian pembunuhan. Apabila rakaman tersebut ditunjukkan kepada Veentan (pengarah kru), dia telah merancang untuk meneruskan rakaman kes-kes pembunuhan yang ingin dilakukan oleh si pembunuh itu. Mereka juga berjaya merakamkan beberapa siri pembunuhan yang telah dilakukan oleh si pembunuh tersebut. Pada masa yang sama pihak polis juga berjaya mengetahui maklumat tentang si pembunuh dan juga kumpulan Veenthan yang mengekori pembunuh itu. Pada klimaks, selain daripada Sara dan Ram, kesemua ahli kru media itu telah dibunuh oleh si pembunuh tersebut. Pembunuh itu pula telah ditembak mati oleh Ram. Tetapi dalam siasatan, pihak polis, mereka berjaya mengetahui bahawa Ram adalah perancang pembunuhan bersiri tersebut kerana Ram adalah seorang penjual rakaman kes-kes pembunuhan dan sebagainya kepada kumpulan media internat luar negara pada kos yang tinggi.

### **Filem *Dhusrajanam* dan Sinopsis**

Judul	<i>Dhusrajanam</i> (Kelahiran semula)
Tahun Penerbitan	2013
Penerbit	Genius Parade Sdn. Bhd
Pengarah Filem	M.Suurya
Penulis Cerita / Skrip	M.Subash
Pelakon	M.Subash, Kalpana Sundraju, Prakash Gobal, Sanshita, Ravindran dan Nantha.
Muzik	Shaman
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 25 Minit
Bilangan Pawagam	10

Kuttan (wira) adalah seorang anak yatim yang telah diperbesarkan oleh jirannya setelah kedua ibu bapanya meninggal dunia. Kakak angkat (Karuppu) dan abang angkat (Maari) telah menyeksa Kuttan dan memaksa dia untuk menari dalam persembahan pentas untuk memperoleh pendapatan. Tetapi Kuttan lebih berminat dalam permainan badminton dan ingin menjadi seorang pemain badminton terkenal. Sebenarnya ayah Kuttan adalah seorang pemain badminton dan dia telah menyimpan wang tunai sebanyak RM200,000 dalam bank demi masa depan Kuttan. Tetapi Karuppu telah menyembunyikan perkara ini daripada Kuttan. Apabila Kuttan mengetahui hal ini, dia terasa marah terhadap Karuppu dan Maari. Kuttan telah memberikan makanan beracun kepada Karuppu dan telah membunuh. Dia merancang hal ini seperti telah dilakukan oleh Maari. Manakala Kuttan juga telah berjaya menyangkutkan Maari kepada suami Devi kerana Maari mempunyai hubungan sulit dengan Devi. Apabila hal ini diketahui oleh suami Devi, beliau telah memukul Maari sehingga menjadi serius. Setelah itu, Kuttan memulakan kehidupan baru menuju kepada cita-citanya yang ingin menjadi seorang pemain badminton.

### **Filem *Maraimugam* dan Sinopsis**

Judul	<i>Maraimugam</i> (Tidak langsung)
Tahun Penerbitan	2013
Penerbit	BOSS PICTURES SDN. BHD
Pengarah Filem	Sara. R fdam (RMS)
Penulis Cerita / Skrip	Sara. R fdam (RMS)
Pelakon	Sara.R Kuna, Steven, M.J Nada, BenG, David, Priya, Mogan, Krishnapriya, Balan MCB dan Gobinath
Muzik	Sara. R fdam (RMS)
Jumlah Masa Tayangan	1 jam 52 Minit
Bilangan Pawagam	9

Filem *Maraimugam* adalah cerita yang berkaitan dengan penyiasatan sebuah kes bunuh diri. Lekha adalah rakan kepada Valli. Pada satu hari Lekha didapati telah membunuh diri. Valli yang tidak dapat menerima kematian Lekha telah mendapat bantuan daripada tok guru seni pertahankan diri untuk mengetahui punca kematian Lekha. Tok guru pula mengarahkan dua orang muridnya iaitu Pattasu dan Kaipulla untuk menyiasat kes ini. Dalam penyiasatan kes ini, mereka mendapati Valli yang menjadi punca kematian Lekha. Pada satu hari semasa Lekha mandi, Valli yang telah masuk ke dalam bilik Lekha dan melihat kamera baru Lekha. Semasa Valli meninggalkan bilik, dia telah tersilap menekan rakaman video. Kamera dalam posisi rakaman telah merakamkan kejadian penukaran baju oleh Lekha. Lekha yang tidak tahu hal ini telah tersilap muat naik rakaman video dalam kamera pada facebook. Setelah itu, baru Lekha sedar dengan kesilapannya yang telah muat naik gambar dirinya tanpa pakaian. Hal ini telah memberikan tekanan pada Lekha dan dia telah membunuh diri. Walau bagaimanapun rakaman video tersebut tidak dimuat naik dalam Facebook kerana pada masa itu, berlakunya gangguan elektrik. Lekha yang tidak tahu hal itu telah membunuh diri tanpa mengetahui hal sebenar.